

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING
[PENAMPANG]

TARIKH : 2 NOVEMBER 2015 (ISNIN)

SOALAN :

Tuan Ignatius Dorell Leiking minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan statistik kekerapan gangguan bekalan elektrik di seluruh Sabah sejak Januari 2013 hingga Julai 2015 yang berpunca ataupun disebabkan oleh cuaca buruk/ribut dan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh SESB untuk mengatasi masalah tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Statistik bilangan gangguan bekalan disebabkan angin atau ribut daripada tahun 2013 – Julai 2015 adalah seperti berikut:

Tahun 2013												
Jan	Feb	Mar	Apr	May	Jun	Jul	Aug	Sep	Oct	Nov	Dec	Jumlah
169	111	121	191	264	232	483	214	158	216	163	94	2,416

Tahun 2014												
Jan	Feb	Mar	Apr	May	Jun	Jul	Aug	Sep	Oct	Nov	Dec	Jumlah
151	77	96	125	205	266	451	170	131	248	130	135	2,185

Tahun 2015												
Jan	Feb	Mar	Apr	May	Jun	Jul	Aug	Sep	Oct	Nov	Dec	Jumlah
67	53	51	44	53	62	207	-	-	-	-	-	537

Sumber: Suruhanjaya Tenaga

2. Merujuk kepada statistik tersebut, didapati bilangan gangguan disebabkan angin atau ribut pada tahun 2015 iaitu setakat Julai 2015 adalah 537 manakala tempoh yang sama pada tahun 2013 adalah 1,571 dan 2014 adalah 1,371. Berdasarkan analisis, terdapat *trend* penurunan yang ketara kepada bilangan gangguan disebabkan angin atau ribut bagi

7 bulan yang pertama tahun ini berbanding tempoh yang sama pada tahun 2013 dan juga 2014.

Tuan Yang Dipertua,

3. Cuaca buruk atau ribut yang berlaku dikenalpasti sebagai punca utama gangguan bekalan elektrik kerana kejadian tersebut menyebabkan pokok-pokok yang berada berhampiran talian penghantaran serta pemasangan SESB tumbang sekaligus menjadikan kemudahan pembekalan elektrik terjejas.

4. Oleh yang demikian, antara langkah yang diambil oleh pihak SESB adalah dengan melaksanakan operasi pembersihan dan menebang pokok-pokok yang dikategorikan berpotensi untuk menyebabkan kerosakan kepada perkakasan SESB.

5. SESB juga melaksanakan projek penukaran *Bare Conductor* kepada talian bertebat jenis *Aerial Bundle Cable (ABC)*. Projek ini merangkumi 64 projek melibatkan talian 11 kV di seluruh Sabah dan Labuan dengan anggaran kos keseluruhan projek sebanyak RM21 juta. Projek ini telah mula dilaksanakan pada tahun 2014 dan setakat

September 2015, sebanyak 47 projek telah berjaya disiapkan manakala baki 17 projek lagi masih dalam pelaksanaan.

6. Bagi menangani kes gangguan bekalan elektrik akibat banjir yang disebabkan oleh hujan yang berterusan, pihak SESB telah mengambil langkah mitigasi dengan memperkenalkan rekabentuk baru pencawang iaitu Pencawang Atas Tiang (PAT) yang mana pencawang elektrik dibina di atas tiang bagi mengelakkan pencawang tersebut dimasuki air semasa banjir. Projek perintis PAT telah mula dilaksanakan pada bulan Jun 2015 di daerah Sandakan dengan anggaran kos projek sebanyak RM2.2 juta. Projek PAT juga akan diteruskan secara berperingkat di daerah-daerah lain di seluruh Sabah.

7. Selain itu, pihak SESB sedang melaksanakan pemasangan *sacrificial tower* pada rangkaian 11kV dan *Transmission Line Arrestor (TLA)* untuk rangkaian 33kV pada pemasangan SESB yang telah dikenalpasti sering mengalami masalah gangguan bekalan elektrik disebabkan oleh kilat. Pemasangan *sacrificial tower* telah mula dilaksanakan pada awal tahun 2014 di daerah Beaufort iaitu sebanyak 10 unit. Manakala, pemasangan TLA telah dimulakan pada bulan Januari 2014 di talian 33KV di Labuan, Papar, Kota Marudu dan Sandakan dengan jumlah TLA yang telah dipasang ialah 150 unit.

Seterusnya, pemasangan *sacrificial tower* dan TLA akan dilaksanakan ke semua kawasan di seluruh Sabah. Kos awal projek bagi kedua-dua projek ini dianggarkan berjumlah RM0.4 juta.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 2 NOVEMBER 2015
[ISNIN]**

**DARIPADA : Y.B. DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD
[KOTA RAJA]**

SOALAN :-

Y.B. DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD [KOTA RAJA] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah pemaju perumahan yang terbengkalai yang telah diambil tindakan undang-undang mengikut Akta 118 (Akta Pemajuan Perumahan Kawalan dan Perlesenan) dan apakah penambahbaikan yang akan atau telah dibuat oleh Menteri untuk memastikan tidak berlaku projek perumahan yang terbengkalai.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 30 September 2015, sebanyak 224 pemaju perumahan berlesen telah diisytiharkan sebagai terbengkalai di Semenanjung Malaysia.

Sehingga hari ini, 168 projek perumahan terbengkalai telah pun dipulihkan dan siap diduduki. Ini telah memberi manfaat kepada 30,168 pembeli rumah. Baki projek perumahan sama ada di peringkat pemulihan atau perancangan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

KPKT telah pun memperkasakan Akta 118 seperti berikut :

- (i) Pindaan baru Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [Akta 118] telah berkuatkuasa pada 1 Jun 2015. Dalam pindaan Akta 118 telah mewujudkan peruntukan

baru Seksyen 18A yang membolehkan tindakan pendakwaan diambil terhadap pemaju perumahan yang mengakibatkan projek perumahan terbengkalai. Namun demikian, sehingga kini masih tidak ada pemaju perumahan terbengkalai didakwa di Mahkamah kerana peruntukan baru tidak mempunyai kesan retrospektif (retrospective effect). Ini bermakna hanya pemaju yang mempunyai lesen pemaju perumahan pada atau selepas 1 Jun 2015 tertakluk kepada peruntukan-peruntukan baru dalam Akta 118.

Walau bagaimanapun, semua pemaju perumahan yang terlibat dalam projek terbengkalai telah disenaraihitamkan termasuk Ahli Lembaga Pengarah agar tidak boleh mendapat lesen pemaju perumahan serta permit iklan dan jualan yang baru;

- (ii) Pindaan Seksyen 6 telah meningkatkan wang deposit daripada RM200,000.00 kepada 3.0% daripada anggaran kos pembinaan dan kos yuran profesional tetapi tidak termasuk kos tanah bagi memastikan pemaju perumahan yang mempunyai kedudukan

kewangan yang kukuh sahaja terlibat dalam projek perumahan;
dan

- (iii) Di samping itu, pindaan Akta baru telah meningkatkan kadar penalti bukan sahaja dapat memberi kesan kepada para pemaju lebih mematuhi peraturan-peraturan sedia ada yang berkuatkuasa tetapi juga dapat menjadi lebih bertanggungjawab terhadap projek perumahan yang dimajukan.